



KENYATAAN MEDIA

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN SELANGOR

SYARIKAT PEMBUATAN CAT DIDENDA RM 15,000 DAN RM 2,000

Klang , 3 Julai - Sebuah syarikat pembuatan cat telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Sesyen Jenayah Klang selepas mengaku bersalah atas kesalahan gagal untuk mematuhi notis pemberian yang dikeluarkan di bawah Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Syarikat juga didapati bersalah kerana gagal menjalankan pemantauan pendedahan pekerja kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan seperti dikehendaki di dalam Laporan Penaksiran Risiko kepada Kesihatan. Hakim Tuan Darmafikri bin Abu Adam telah mengarahkan syarikat tersebut membayar denda sebanyak Ringgit Malaysia 15,000.00 atau penjara selama 6 bulan sekiranya gagal membayar denda bagi kesalahan pertama dan Ringgit Malaysia 2,000.00 atau penjara 3 bulan sekiranya gagal membayar denda bagi kesalahan kedua.

Syarikat ini telah dituduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 49(1) Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan 26(1) Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000 Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa yang dilantik dari Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Selangor, Mohamad Amin bin Harun. Siasatan terhadap kes pula telah dijalankan oleh pasukan penyiasat yang diketuai oleh Mohd Assafri bin Othman terhadap syarikat tersebut susulan kegagalan syarikat untuk mematuhi notis dan gagal menjalankan pemantauan pendedahan pada 19 Julai 2017.

###

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor.
3 Julai 2018